

Hikmah dicipta pelbagai bangsa



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

Allah SWT menciptakan manusia di atas muka bumi ini terdiri daripada pelbagai bangsa, suku kaum dan etnik.

Walaupun wujud perbezaan, Allah memerintahkan supaya semua manusia saling berkenalan dan mengenali sesama mereka.

Bagaimanapun, proses mengenali manusia itu hanya berlaku apabila ada interaksi sesama mereka.

Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan dan Kami menjadikan kamu pelbagai bangsa dan bersuku puak supaya kamu berkenal-kenalan

(dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu (Surah al-Hujurat, ayat 13)

Satu lagi ayat daripada Surah ar-Rum, ayat 22, Allah SWT berfirman yang bermaksud: “Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya dan kebijaksanaan-Nya ialah kejadian langit dan bumi dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu.”

Interaksi yang berkesan amat penting bagi mewujudkan keharmonian dalam kehidupan manusia yang mempunyai pelbagai latar belakang dan perbezaan itu.

Panduan interaksi itu jelas seperti firman Allah

SWT dalam Surah al-Hujurat, ayat 11-12 yang bermaksud: “Wahai orang-orang yang beriman, janganlah sesuatu puak (daripada kaum lelaki) mencemuh dan merendah-rendahkan puak lelaki yang

lain (kerana) harus puak yang dicemuh itu lebih baik daripada mereka dan janganlah pula sesuatu puak daripada kaum perempuan mencemuh dan merendah-rendahkan puak perempuan yang lain (kerana) harus puak yang dicemuh itu lebih baik daripada mereka dan janganlah setengah kamu menyatakan keaiban setengahnya yang lain

dan janganlah pula kamu panggil-memanggil antara satu dengan yang lain dengan gelaran yang buruk. (Larangan-larangan yang itu menyebabkan orang yang melakukannya menjadi fasik, maka)

amatlah buruknya sebutan nama fasik (kepada seseorang) sesudah ia beriman. Dan (ingatlah), sesiapa yang tidak bertaubat (daripada perbuatan fasiknya) maka merekalah orang-orang yang zalim.”

“Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan daripada sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian

daripada sangkaan itu adalah dosa dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang daripada kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah Penerima Taubat, lagi Maha Mengasihani.”

Kedua-dua ayat itu memberikan konsep Islam dalam pembinaan akhlak dan pengaruh ke atas etika sosial dalam komunikasi antara manusia.

Panduan itu dapat

memimpin manusia bertakwa kepada Allah SWT. Hanya takwa dapat membentuk peribadi insan yang berakhlak dalam pergaulan mereka.

Tidak ada mana-mana bangsa boleh menghina atau mencerna ciptaan Allah SWT.

Perbuatan merendah-rendahkan serta merujuk bangsa lain sebagai bukan Islam amat bersalahan dengan konsep kesejahteraan Islam.

Perkara itu menambahkan lagi kekeliruan serta salah anggap masyarakat bukan Islam ke atas ajaran Islam.

Panduan itu juga penting supaya manusia dapat hidup dalam suasana harmoni serta tidak memburuk-burukkan sesama mereka.

Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di Universiti Putra Malaysia (UPM)

